

## DASAR AP TERBUKA MULAI 1 JULAI 2024 LEBIH TELUS, INKLUSIF BAGI MEMANFAATKAN LEBIH RAMAI USAHAWAN BUMIPUTERA

---

1. Dasar AP Terbuka yang dilaksanakan sejak tahun 1970 telah berjaya melahirkan syarikat Bumiputera yang berdaya maju, bukan sahaja di dalam segmen mengimport dan menjual kenderaan, tetapi juga dalam aktiviti-aktiviti utama di sepanjang rantai bekalan seperti perkhidmatan selepas jualan, insurans dan logistik. Dasar ini merupakan antara dasar berkaitan Bumiputera yang masih dikekalkan sehingga kini dan penting bagi mencapai sasaran 30 peratus pemilikan ekuiti Bumiputera dalam ekonomi negara seperti yang digariskan di bawah Dasar Ekonomi Baharu.
2. Bagi **membuka lebih banyak** peluang kepada usahawan Bumiputera yang berminat, **berkuatkuasa 1 Julai 2024, mana-mana syarikat Bumiputera, termasuk syarikat yang tidak pernah terlibat dalam aktiviti automotif, boleh memohon untuk dilantik sebagai syarikat AP Terbuka** bagi menceburi **aktiviti pengimportan dan penjualan kenderaan di Malaysia**. Langkah ini selaras dengan usaha MITI untuk terus **meningkatkan keterangkuman dan ketelusan dalam proses permohonan AP Terbuka**.
3. Syarikat Bumiputera yang berminat adalah tertakluk kepada syarat-syarat utama berikut:
  - i. Berstatus Sendirian Berhad;
  - ii. Pemilikan 100 peratus Bumiputera;
  - iii. Mempunyai modal berbayar minimum RM1 juta; dan
  - iv. Sedang beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun.
4. Pelaksanaan dasar ini dijangka akan menarik lebih banyak syarikat Bumiputera untuk berkecimpung dalam industri automotif. Pertambahan bilangan syarikat akan menjadikan segmen ini lebih kompetitif dan berdaya saing. **Objektif utama Kerajaan adalah untuk terus memperkasa agenda sosio-ekonomi Bumiputera dengan memberi peluang kepada lebih ramai usahawan Bumiputera yang berdaya saing untuk terlibat dalam sektor automotif.**

5. MITI mempelawa syarikat-syarikat Bumiputera yang berminat dan layak untuk membuat permohonan. Garis panduan, borang permohonan dan senarai semak boleh dirujuk di <https://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/3796>.

## KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

18 Jun 2024

### Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

### Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel : +603 6200 0082

Fax : +603 6206 4293

E-mail : [alluks@miti.gov.my](mailto:alluks@miti.gov.my)